

UNIT
1

KEMAHIRAN SAINTIFIK

NOTA RINGKAS

Kemahiran Proses Sains

Memerhati

Proses menggunakan deria (penglihatan, bau, rasa, sentuhan dan pendengaran) dalam mendapatkan maklumat.

Mengelas

Membuat kumpulan terhadap ciri yang sama.

Mengukur dan menggunakan nombor

Menggunakan nombor dan alat yang berpiawai dalam membuat pemerhatian secara kuantitatif.

Membuat inferens

Memberi penerangan terhadap suatu peristiwa atau situasi yang diperhatikan.

Meramal

Membuat jangkaan awal mengenai sesuatu peristiwa.

Berkomunikasi

Proses menerima maklumat, membuat pemerhatian, menyusun dan mempersembahkan maklumat tersebut dalam bentuk jadual, graf, rajah, tulisan atau lisan.

Menggunakan perhubungan ruang dan masa

Menerangkan perubahan parameter (seperti saiz, arah, isi padu, berat, jisim) terhadap masa.

Mentafsir data

Memberikan justifikasi atau penerangan yang rasional terhadap situasi, peristiwa atau keputusan penyiasatan.

Mendefinisi secara operasi

Membuat tafsiran terhadap suatu konsep dengan cara menyatakan perkara yang diperhatikan dan dilakukan.

Mengawal pemboleh ubah

Dapat mengenal pasti 3 pemboleh ubah (dimalarkan, dimanipulasi dan bergerak balas) dalam suatu penyiasatan yang dijalankan.

Membuat hipotesis

Suatu pernyataan untuk menentukan kesahihan suatu penyiasatan. Pernyataan yang melibatkan antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah dimanipulasikan dan bergerak balas.

Membuat hipotesis

Merancang eksperimen
↓
Menjalankan eksperimen
↓
Mengumpul data
↓
Membuat kesimpulan